

KUALA LUMPUR, 24 MEI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU PELABUR ASING YANG SUDAH PUN +BERTUNJANG+ DI NEGARA INI MENGAMBIL PELUANG MEMBESARKAN LAGI DAN MEMBUKA KEGIATAN BARU DAN TIDAK LAGI SERING MERUNGUT TENTANG DASAR-DASAR DAN RANCANGAN KERAJAAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA JANGANLAH MELEPASKAN PELUANG BILA SEJUMLAH PELABUR ASING YANG TIDAK NEGITU DIKETAHUI OLEH MALAYSIA BERMINAT UNTUK MENEMUI RAKYAT MALAYSIA DAN MENINJAU KEMUNGKINAN MENUBUHKAN USAHASAMA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERUCAP DEMIKIAN DI MAJLIS MAKAN TENGAHARI DEWAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN ANTARABANGSA MALAYSIA DI SINI.

BELIAU BERKATA APA YANG DAPAT DITERIMA OLEH PELABUR ASING YANG BARU DAN APA YANG DIANGGAP OLEH PELABUR BARU ITU SERAGAI ADIL DALAM KEADAAN DUNIA YANG ADA SEKARANG DAN TENTANG DASAR-DASAR SERTA PERATURAN DI NEGARA LAIN TENTU AKAN SAMA DAPAT DITERIMA OLEH AHLI-AHLI PERNIAGAAN ASING YANG SEDIA ADA DI MALAYSIA.

— BERSAMBUNG 1345/SZ

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

ADALAH BETUL YANG DI MASA LALU TANPA PERLU MEMBERI PERHATIAN TERHADAP MATLAMAT NEGARA TERDAPAT RINTANGAN YANG SEDIKI DAN PELABUR ASING MEMPUNYAI PELUANG CUKUP BAGI MELUASKAN PERNIAGAAN MEREKA.

BAGAIMANAPUN, KALAU PUN ADA TERDAPAT SEDIKIT SAHAJA TEMPAT DI DUNIA-HARI INI YANG MENAWARKAN KEADAAN DI MANA AHLI-AHLI PERNIAGAAN BOLEH MENJALANKAN KEGIATAN PERNIAGAANNYA TANPA MEMIKIRKAN LANGSUNG MATLAMAT SOSIO EKONOMI NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAH DI AMERIKA SYARIKAT YANG DIANGGAP SEBAGAI BENTENG PERNIAGAAN LEBAS, KEBIMBANGAN TERHADAP PELABURAN DARI ASIA BARAT DAN KEMUNGKINAN PENGAMBIL-ALIH HARTA BENDA AMERIKA OLEH ORANG ARAB TELAH MENIMBULKAN APA YANG BOLEH DIANGGAP SATU KEADAAN CEMAS.

BELIAU MENAMBAH, +PERASAAN ANTI ORANG ASING TELAH BERTERUSAN SEPERTI YANG TERBUKTI MENERUSI CERITA-CERITA GERUN TENTANG PENALUKAN ORANG JEPUN KE ATAS LEMBAH SILICON DI CALIFORNIA DAN PENGAMBILAN-ALIH ORANG BRITISH KE ATAS BANK-BANK AMERIKA.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA INGIN MENAWARKAN SETIAP PELUANG KEPADA PELABUR ASING YANG ADA UNTUK MENANAM SEMULA KEUNTUNGAN MEREKA DAN MENGEMBANG ATAU MEMPELBAHAI KEGIATAN TERHADAP BIDANG-BIDANG KEGIATAN PERINDUSTRIAN YANG BARU. — BERSAMBUNG 1355/SZ

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

+PADA WAKTU YANG SAMA, KERAJAA INGINKAN PENGLIBATAN YANG LEBIH BAGI AHLI-AHLI PERNIAGAAN MALAYSIA TERUTAMA BUMIPUTERA DALAM KEGIATAN PERNIAGAAN BARU YANG SEDANG DIUSAHAKAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEBANYAKAN NEGARA DI MASA PELABUR ASING YANG ADA DI NEGARA INI BERASAL TELA MERAGUI PELABUR ASING MALAH BERSIKAP KERAS.

MALAYSIA, TAMBAHNYA, TELAH MENJADI TUANRUMAH YANG BAIK DAN ELAH BEGITU SEKALI MENYAHUT KEPERLUAN MASYARAKAT PERNIAGAAN TERMASUKLAH TERHADAP KUMPULAN ASING.

+KITA MALAH TELAH MENYEBUT PERANAN AHLI PERNIAGAAN ASING DALAM RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGARA KITA.

+DAN LEBIH DARI ITU KITA TELAH MENERIMA KRITIK MEREKA DAN MENYAHUT PULA SECARA POSITIF TERHADAPNYA,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MERASA +MARAH+ BILA SETENGAH-SETENGAH PELABUR ASING MENYATAKAN BAHAWA +APA YANG KAMI LAKUKAN DI SINI DAN BAGAIMANA KAMI MELAKUKANNYA+ BUKANLAH CARA IA SEDANG DIBUAT DI +DALAM NEGERI KAMI+. — BERSAMBUNG 1443/SZ

### MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

+KENYATAANNYA JALAH BAHAWA DI NEGARA-NEGARA BERKENAAN LAYANAN TERHADAP PELABUR ASING ADALAH LEBIH BURUK DARI MALAYSIA.

+SEDIKIT SAHAJA PETANDA TENTANG PEMILIKAN ASING BAGI PERUSAHAAN DI NEGARA SENDIRI TIDAK KIRA BAGAIMANA KECIL SEKALIPUN SELALUNYA MENYEBUTKAN RIAKSI CEMAS DAN TUNTUTAN SUPAYA SESUATU DIBUAT UNTUK MENYEKAT ORANG ASING.

+NAMUN BEGITU BILA ORANG YANG BERKENAAN MENJADI ORANG ASING PULA IA AKAN MENKRITIK WALAUPUN TERHADAP DASAR-DASAR YANG TIDAK BEGITU BISA DAN YANG SEPENUHNYA ADIL, + TAMBAHNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN SEKALI LAGI YANG DASAR MALAYSIA MENGALU-ALUKAN PELABURAN ASING AKAN DITERUSKAN BUAT BEBERAPA WAKTU YANG AKAN DATANG.

INI ADALAH MEMANDANGKAN PENGIKIRAFAN KERAJAAN TENTANG SUMBANGAN BESAR YANG BOLEH DIBUAT OLEH PELABUR ASING TERHADAP MENYEDIAKAN BIDANG PASARAN, KEMAHIRAN PENGURUSAN, KEMUDAHAN LATIHAN, PELUANG PEKERJAAN DAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI KEPADA RAKYAT MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DALAM TEMPOH TIGA TAHUN PERTAMA RANCANGAN MALAYSIA KETIGA, SEJUMLAH 1,253 PROJEK PEKILANGAN MELIPUTI SATU CADANGAN PELABURAN MODAL \$3.2 RIBU JUTA TELAH DILULUSKAN OLEH KERAJAAN. — BERSAMBUNG 1446/SZ

### MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

DARI JUMLAH ITU, 618 ATAU HAMPIR 50 PERATUS DARIPADANYA ADALAH SAMADA USAHASAMA DENGAN PELABUR ASING ATAU PROJEK MILIK ASING SEPENUHNYA MELIBATKAN SATU CADANGAN MODAL PELABURAN \$2.3 RIBU JUTA ATAU 72 PERATUS DARI SELURUH PELABURAN YANG DICADANGKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MENJANGKA PELABURAN ASING DI NEGARA INI MENINGKAT LEBIH LAGI DALAM TEMPOH BAKI RANCANGAN ITU BERIKUTAN DENGAN SAMBUTAN BAIK YANG DITERIMA SAMADA DALAM KEDUA-DUA ROMBONGAN DAN ROMBONGAN-ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN SELANJUTNYA YANG DIBUAT DI SEBERANG LAUT.

BELIAU MEMPELAWA SEKTOR SWASTA SUPAYA MENYERTAI DUA LAGI ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN TAHUN INI YANG AKAN MELIPUTI JEPUN DAN HONGKONG DAN TIGA BUAH LAGI BANDARAYA DI EROPAH.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DARI PENGALAMAN NAMPAKNYA ADA TANDA MENUNJUKKAN KURANGNYA HUBUNGAN DI KALANGAN AHLI PERNIAGAAN MALAYSIA DAN TERDAPAT BIDANG YANG LUAS BAGI Mencari RAKAN-RAKAN USAHASAMA YANG SESUAI DI ANTARA RAKYAT MALAYSIA SENDIRI.

KATANYA, DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN ANTARABANGSA BOLEH DIPERALATKAN UNTUK MEMUDAHKAN HUBUNGAN ANTARA FIRMA-FIRMA AHLI YANG INGIN MELUASKAN KEGIATAN PERNIAGAAN DI MALAYSIA DAN BAGI AHLI PERNIAGAAN MALAYSIA SENDIRI YANG INGIN Mencari RAKAN-RAKAN USAHASAMA. — BERNAMA 1503/SZ